

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : PERASMIAN KONGRES ANTARABANGSA PERUBATAN KECEMASAN YANG KEDUA
Lokasi : HOTEL MUTIARA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 15-10-2001

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Hospital Kuala Lumpur kerana menjemput saya untuk merasmikan Kongres Antarabangsa Perubatan Kecemasan yang Kedua pada pagi ini.

2. Kongres antarabangsa perubatan kecemasan kali kedua ini (second International Congress of Emergency Medicine) adalah satu usaha murni untuk meningkatkan kualiti perawatan kecemasan di samping mendapat pendedahan terbaru daripada pakar-pakar terkenal di persada perubatan kecemasan antarabangsa.

3. Melalui kongres sebeginilah kita dapat bertukar- tukar pengalaman dan kajian-kajian terkini yang saya percaya mampu menjana perkembangan perubatan kecemasan jika dikongsi dan diaplikasikan dengan bersungguh- sungguh.

4. Saya juga menaruh sepenuh keyakinan di atas iltizam dan usaha-usaha yang telah dilakukan demi memartabatkan tahap kesihatan setanding dengan negara- negara maju selaras dengan misi Kementerian iaitu "Kesihatan sebagai satu aset yang bernilai".

5. Kesihatan adalah satu aset yang sangat bernilai bagi sesebuah negara. Keutuhan dan kestabilan sesebuah negara juga diukur berdasarkan kepada perkembangan kesihatan yang cemerlang dan berterusan. "Rakyat Sihat, Negara Maju".

6. Untuk memastikan tahap kesihatan dijaga dengan baik, maka kita mestilah mempunyai satu perancangan rapi yang komprehensif dan menyeluruh serta selaras dengan piawaian antarabangsa yang boleh diguna pakai di seluruh negara.

7. Perkhidmatan perawatan perubatan kecemasan adalah satu perkhidmatan yang unggul kerana skop perkhidmatannya yang amat luas dan merangkumi peringkat pra-hospital dan hospital sehingga ke peringkat rehabilitasi. Keadaan pesakit di saat-saat awal amatlah kritikal dan memerlukan kepada satu perkhidmatan perawatan kecemasan yang berkualiti dan komprehensif.

8. Perkhidmatan pra-hospital yang merupakan satu aspek penting perkhidmatan kecemasan memastikan pesakit menerima rawatan awal di tempat kejadian. Mutu perawatan yang berkualiti yang dijalankan oleh para petugas terlatih dapat menyelamatkan pesakit daripada mengalami komplikasi yang boleh berakhir dengan kecederaan yang serius dan kekal.

9. Ini semua adalah berasaskan prinsip "The Golden Hour" dalam perawatan kecemasan. Golden Hour represents an interlude of time frame whereby patient's morbidity and mortality can be improved significantly if on scene and active or specific preventions are administered correctly. This is an important concept to instil to all emergency medical personnel. In order to deliver the concept effectively, paramedics need to be equipped with standard and advanced skills. All field personnel must be well trained in pre-hospital care management and life support skills. Teaching programme such as life support courses such as Basic Life Support (BLS), First Responder Life Support (FRLS), Malaysian Trauma Life Support (MLTS), Advanced Cardiac Life Support (ACLS) and Paediatric Advanced Life Support (PALS) must be made mandatory to all emergency medical personnel.

10. However the development of pre-hospital care must be parallel to the development of emergency services at the hospital. A Multi disciplinary approach towards the management of a critically ill patient will improve the outcome of the patient thus reducing the morbidity and mortality. In our country there are very few people trained in emergency medicine. The pioneer group of emergency physicians will be graduating from University Science Malaysia by the year 2002.

11. Pelaksanaan perkhidmatan pra-hospital tentunya menemui jalan yang buntu sekiranya tiada usaha

bersama daripada semua pihak. Perkembangan perkhidmatan pra- hospital memerlukan pendekatan dan sokongan secara berintegrasi daripada semua pihak sama ada daripada Kerajaan atau bukan Kerajaan. Jika satu jaringan usahasama terbentuk daripada semua pihak yang terlibat, maka mutu perkhidmatan pra-hospital akan dapat dipertingkatkan lagi.

12. Individu-individu yang terlibat harus mendapat latihan secara langsung dalam perkhidmatan pra-hospital. Individu-individu terlibat harus juga mendapatkan latihan yang sewajarnya secara berterusan dan diuji keberkesanannya dari masa ke semasa. Ini akan memastikan tahap kualiti dalam kerja di mana secara langsung mencerminkan tahap perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit. Kursus-kursus perawatan asas dan lanjutan telah diperkenal dan dilaksanakan secara berterusan di negara kita. Antara kursus-kursus termasuklah "Basic Life Support" (BLS), "Malaysian Trauma Life" (MTLS) dan "First Responder Life Support" (FRLS).

13. Jika pesakit dirawat dan diberikan rawatan yang betul dan tepat, ia tetap tidak membanggakan jika ia mengambil masa yang lama untuk mendapat rawatan di hospital-hospital. Justeru itu perkhidmatan ambulans di negara kita harus dipertingkatkan dengan mengadakan kenderaan-kenderaan yang lengkap dengan peralatan yang sewajarnya untuk keperluan pengangkutan pesakit-pesakit sama ada pengangkutan ambulans atau udara seperti helikopter. Sejak kebelakangan ini, perkhidmatan perawatan kecemasan telah maju ke tahap di mana perawatan pesakit bermula di tempat kejadian.

14. Penglibatan agensi-agensi seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, St. John Ambulance, Bomba dan Penyelamat, JPA 3 dan lain-lain dalam membantu memberi perkhidmatan pra-hospital untuk memberi perkhidmatan perawatan kecemasan amat membanggakan.

15. "First Responder" memainkan peranan yang penting di mana perawatan dimulakan di tempat kejadian dan berakhir di pusat rawatan/hospital.

16. Bagaimanapun, kualiti perkhidmatan perawatan pra- hospital harus berkembang seiring dengan perkembangan perawatan di peringkat hospital. Tidak ketinggalan juga pentingnya program pencegahan kecederaan atau "Injury Prevention" dalam perawatan perubatan kecemasan. Seperti kata pepatah "Pencegahan lebih baik daripada penyembuhan penyakit", ataupun "Prevention is better than cure".

17. Penubuhan "One stop crisis centre" sebagai salah satu perkhidmatan berdasarkan aspek perubatan komuniti di bawah perkhidmatan Jabatan Kecemasan di setiap hospital bagi memudahkan penyelarasan mangsa- mangsa keganasan rumahtangga harus dipertingkatkan.

Pendekatan dan penglibatan secara multi-disiplin dalam perawatan pengendalian kes-kes kritikal di Jabatan Kecemasan ini dapat meningkatkan mutu perkhidmatan perawatan kecemasan.

18. Dengan ini perubatan perawatan kritikal di Jabatan Kecemasan dapat dimantapkan. Satu sistem jaringan usahasama hospital iaitu "Interhospital Networking" dengan penggunaan kemudahan teknologi maklumat seperti telemedicine dalam perkhidmatan perubatan perlu dipertimbangkan perlaksanaannya dalam perkhidmatan kecemasan sebagai langkah pendekatan kepada paradigma teknologi maklumat.

19. Kerjaya perawatan perubatan kecemasan di negara kita masih berada di tahap permulaan. Dengan adanya program sarjana perubatan kecemasan hasil gabungan kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia, ini akan meningkatkan lagi tahap perkhidmatan perubatan kecemasan dan juga menyedarkan betapa pentingnya perkhidmatan kecemasan di Malaysia.

20. Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia kerana usaha mereka yang akan menghasilkan golongan perintis pakar perubatan kecemasan pada tahun 2002.

21. Semoga dengan adanya program-program dan latihan- latihan dalam perkhidmatan kecemasan akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perawatan kesihatan di Malaysia.

22. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kongres Antarabangsa Perubatan Kecemasan yang Kedua.